

TALKING POINT

**Y.BHG. PROFESOR DATUK DR. SHAHRIN BIN SAHIB
NAIB CANSELOR**

Sahur on The Road

14 Jun 2016 (Selasa), 11 malam, Arked Lestari

PENGENALAN PROGRAM

- Program yang julung kalinya diadakan anjuran Persatuan Seniman Malaysia dengan kerjasama UTeM.
- Terima kasih kepada Persatuan Seniman Malaysia kerana memilih UTeM.
- Tujuan program adalah untuk meraikan bulan ramadan, beramal serta memberi sumbangan kepada golongan yang kurang berkemampuan.
- Program ini juga dapat wujudkan kerjasama dan eratkan silaturahim khususnya dengan mahasiswa UTeM.
- Pengisian program dengan tazkirah oleh PU Rahmat dan turut dimeriahkan oleh barisan artis.

TAZKIRAH RAMADHAN

- Sesungguhnya Allah Ta'ala mengkhususkan bulan Ramadhan di antara bulan-bulan lainnya dengan keutamaan yang agung dan keistimewaan yang banyak. Allah Ta'ala berfirman,

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ
وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَىٰ وَالْفُرْقَانِ فَمَن شَهِدَ مِنْكُمُ الشَّهْرَ
فَلْيَصُمْهُ وَمَن كَانَ مَرِيضًا أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِّنْ أَيَّامٍ
أُخْرٍ يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ
وَلِتُكْمِلُوا الْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَىٰكُمْ
وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ



- Bermaksud: “(Beberapa hari yang ditentukan itu ialah) bulan Ramadhan, bulan yang di dalamnya diturunkan (permulaan) Al-Qur’an sebagai petunjuk bagi manusia dan penjelasan-penjelasan mengenai petunjuk itu dan pembeda (antara yang hak dan yang batil). Kerana itu, barangsiapa di antara kamu yang hadir (di negeri tempat tinggalnya) di bulan itu, maka hendaklah ia berpuasa pada bulan itu. Dan barangsiapa yang sakit atau dalam perjalanan (lalu ia berbuka), maka (wajiblah baginya berpuasa), sebanyak hari yang ditinggalkannya itu, pada hari-hari yang lain” (**QS. Al-Baqarah [2]: 185**).
- Di dalam ayat yang mulia ini, Allah Ta’ala menyebutkan dua keistimewaan bulan Ramadhan yang agung, yaitu:
 - **Keistimewaan pertama**, diturunkannya Al-Qur’an di dalam bulan Ramadhan sebagai petunjuk bagi manusia dari kegelapan menuju cahaya.

- **Keistimewaan ke dua**, diwajibkannya berpuasa di bulan tersebut kepada umat Muhammad shallallahu ‘alaihi wa sallam.

KEISTIMEWAAN BULAN RAMADHAN

Terdapat banyak kelebihan bulan Ramadhan antaranya:

- **Setiap hari dalam Ramadhan memiliki keutamaan**
- Rasulullah SAW bersabda: “...Dia adalah bulan yang permulaannya adalah rahmat, pertengahannya adalah ampunan, serta akhirnya adalah pembebasan dari neraka...” (HR. Ibnu Huzaimah dalam Shahihnya)

- **Ramadhan jalan menuju ketaqwaan**

Allah berfirman: “Wahai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu puasa sebagaimana diwajibkan atas kaum sebelum kamu, agar kamu bertaqwa”. (Al Baqarah: 183).

- **Ramadhan bulan mujahadah**

Para ulama' salaf adalah suri tauladan bagi umat, mujahadah mereka dalam mengisi bulan Ramadhan amat perlu dicontohi. Seperti Imam Asyafi'i, dalam bulan Ramadhan beliau memperhatikan Al-Quran dua kali dalam semalam, dan ini dikerjakan di dalam solat, sehingga dalam bulan Ramadhan beliau memperhatikan Al-Quran enam puluh kali dalam sebulan. Imam Abu Hanifah juga memperhatikan Al-Quran dua kali dalam sehari selama Ramadhan.

- **Pahala syuhada bagi yang melakukan kewajiban dan menghidupkan Ramadhan**

Datanglah seorang lelaki kepada Nabi Saw. Dan mengatakan: "Wahai Rasulullah, tahukah anda jika saya telah bersaksi bahawa tidak ada tuhan selain Allah dan sesungguhnya anda adalah utusan Allah, aku juga telah melakukan solat lima waktu, juga telah menunaikan zakat, serta aku telah berpuasa Ramadhan dan menghidupkannya, maka termasuk golongan siapakah saya? Rasulullah Saw. Bersabda: "Termasuk dari orang-orang yang sidiq dan syuhada". (HR. Ibnu Hibban dalam Shahihnya)

- **Doa mustajab di bulan Ramadhan**

Diriwayatkan dari Abu Umamah Ra, bahawa Rasulullah Saw. bersabda: "...Dan untuk setiap muslim di setiap hari dan

petang (dalam bulan Ramadhan) doa yang mustajab (HR. Bazar).

Rasulullah juga bersabda:”Tiga yang tidak tertolak doanya, orang yang berpuasa hingga berbuka, imam adil, dan doa orang yang dizalimi”. (HR. Tirmidzi)

- **Pahala amalan bulan Ramadhan berlipat ganda**
- **Doa mustajab di bulan Ramadhan**
- **Di Bulan Ramadhan para malaikat meminta ampunan untuk umat ini**
- **Lailatul Qadar adalah hadiah dari Allah untuk umat ini**

RAMADHAN MEMBUKA PINTU UKHWAH

- Khutbah Rasulullah SAW di akhir bulan Syaaban, antaranya: Barangsiapa menyambungkan tali persaudaraan (silaturahmi) di bulan ini, Allah akan menghubungkan dia dengan rahmat-Nya pada hari ia berjumpa dengan-Nya. Barangsiapa memutuskan kekeluargaan di bulan ini, Allah akan memutuskan rahmat-Nya pada hari ia berjumpa dengan-Nya.
- Berbuka puasa secara berjemaah
- Bertadarus secara berjemaah